

16 JUL 2000

Mahathir-Belia

BELIA PERLU SIAPKAN DIRI DENGAN PENGETAHUAN SESUAI, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan belia di negara ini supaya menyediakan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan yang sesuai sebagai usaha mempersiapkan diri mengambil alih kepimpinan negara pada masa depan.

Beliau berkata tanpa ilmu pengetahuan dan kecekapan yang tinggi, sukar untuk generasi muda mentadbir dan membangunkan negara memandangkan cabaran pada masa depan lebih hebat daripada apa yang dihadapi pada masa kini.

"Adalah mustahil tanpa ilmu pengetahuan, kebolehan dan kecekapan yang tinggi, usaha memajukan negara dapat dicapai khususnya untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan dengan Belia Sarawak di Stadium Perpaduan, Petra Jaya di sini malam ini.

Katanya kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai pembangunan belia di negara ini seperti mewujudkan pelbagai pusat pengajian tinggi, pusat latihan kemahiran dalam pelbagai bidang dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran belia.

Dr Mahathir turut menggesa golongan belia supaya merebut peluang yang ada sebaik mungkin dan sekiranya tidak digunakan, ia merugikan negara pada jangka panjang.

Perdana Menteri berkata terdapat juga sesetengah golongan yang mengkritik penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini kerana dikatakan untuk kepentingan pihak-pihak tertentu.

Dr Mahathir berkata sebenarnya kerajaan menggalakkan penubuhan IPTS sebagai memberi ruang dan peluang seluas-luasnya kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan taraf ekonomi masing-masing untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Beliau mengkritik tindakan golongan berkenaan sebagai percubaan untuk menyekat rakyat yang dahagakan ilmu pengetahuan dari meneruskan hasrat untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Dr Mahathir meminta golongan itu menghentikan niat jahat mereka kerana tindakan itu tidak adil kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

"Kemudahan pelajaran adalah untuk semua dan gunakanlah ia sepenuhnya. Mereka yang tidak berminat untuk belajar tidak harus sekat golongan yang ingin belajar," katanya.

Beliau juga menasihatkan belia supaya jangan mudah kecewa apabila kritikan dan pandangan mereka tidak dapat diterima oleh generasi pada masa kini kerana itu menjadi lumrah kehidupan bahawa generasi tua kadang-kadang kurang bersedia untuk menerima pandangan golongan yang lebih mudah dari mereka.

"Jangan lekas kecewa dan putus asa kerana saudara dan saudari (generasi muda) berpeluang untuk mengambil alih pentadbiran negara pada suatu masa nanti.

"Apabila sudah ambil alih, laksanakanlah idea dan pandangan itu sebaik mungkin untuk kepentingan semua," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan belia yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa depan juga perlu bersedia menerima kritikan generasi muda pada zaman mereka nanti kerana ia sudah menjadi lumrah dan tidak dapat dielakkan.

Beliau meminta rakyat pelbagai kaum negara ini meningkatkan lagi persefahaman antara kaum dengan menggalakkan supaya sesuatu pertubuhan itu dianggotai oleh pelbagai kaum malah persefahaman itu perlu dipupuk di

peringkat kanak-kanak lagi.

Katanya kerajaan tidak akan menerima sekiranya sesuatu kaum menindas, meyaksa, membunuh kaum lain dan sesiapa yang melakukannya dikenakan hukuman berdasarkan undang-undang yang ada dinegara ini.

"Sesiapa yang melanggar undang-undang, mereka akan terima hukuman setimpal dengan jenayah yang mereka lakukan. Tidak ada pilih kasih dan memihak kepada sesiapa," katanya sambil merujuk kepada tindakan kumpulan Al- Ma'unah yang telah membunuh dengan kejam dua anggota keselamatan di Sauk, Perak baru-baru ini.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab golongan belia untuk menentukan pentadbiran negara ini dilaksanakan mengikut undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan kerana dengan menghormati undang-undang, negara kita akan dapat terus dimajukan.

Dr Mahathir berkata, semua pembangunan yang dibuat dan dirancang oleh kerajaan sekarang ada untuk kepentingan dan kemudahan generasi muda dan adalah menjadi tanggungjawab mereka menjaga dan meneruskan perjuangan memajukan negara.

Oleh itu, beliau menggesa golongan belia mesti yakin dengan kekuatan serta kebolehan mereka dalam merealisasikan agenda pembangunan negara dan bersyukur dengan apa yang telah mereka kecapai kini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri.

-- BERNAMA
APG RDY FAZ